

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	16 MARCH 2015

'Tindakan Dr M lemah UMNO, BN'

BH-16/3/2015

» *Salleh dakwa kenyataan serangan kepada Najib*

Oleh Muhammad Yusri Muzamir
yusri.muzamir@bh.com.my

▀ Kuala Lumpur

Kenyataan terbuka bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad terhadap Datuk Seri Najib Razak dilihat boleh melemahkan dan menyebabkan UMNO serta Barisan Nasional (BN) tumbang dalam pilihan raya.

Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Sabah, Datuk Seri Salleh Said, menerusi entri di blognya semalam berkata, catatan Dr Mahathir berhubung 1MDB (Malaysia Development Berhad) menjurus kepada serangan terhadap Perdana Menteri.

Berikut adalah petikan entri blog Salleh yang juga Speaker Dewan Undangan Negeri Sabah:

1. Selain membaca akhbar secara konvensional, rutin saya juga membaca menerusi internet. Terutama catatan atau tulisan orang yang saya anggap penting.

2. Terbaru saya terbaca tulisan dalam blog mantan Perdana Menteri, Dr Mahathir. Topiknya berkaitan 1MDB. Catatannya berbentuk menghentam dan sasaran serangan adalah Najib.

3. Kalau kita baca tulisan Tun M (Dr Mahathir) kebelakangan ini, ia menjurus kepada mahu menjatuhkan Najib dan bukan lagi mengkritik secara konstruktif. Dalam tulisan terbaru isu 1MDB ini misalnya, Tun M terus mempersoalkan keputusan Kabinet agar Ketua Audit Negara membuat pemeriksaan, sedangkan ia baharu bermula.

4. Najib meminta Ketua Audit Negara untuk menyemak akaun 1MDB kerana mahu ketelusan. Tapi, belum sempat ia melaksanakan tugas itu, Tun M awal-awal kritik dan mahu siasatan lebih meluas pula. Alasannya, rakyat masih tidak puas hati berkenaan 1MDB.

5. Malahan, Tun M sudah ramalkan Barisan Nasional akan kalah dalam PRU (Pi-

lihatan Raya Umum) akan datang kalau isu 1MDB tidak selesai. Justeru, jika BN ditolak katanya, sokongan kepada Presiden oleh pemimpin bahagian UMNO tidak lagi bermakna.

6. Bagi saya, tulisan Tun M ini mempunyai agenda tersendiri. Matlamatnya untuk menjatuhkan Najib sebagai Perdana Menteri. Strateginya ialah untuk membuat tekanan terhadap Perdana Menteri.

7. Membaca tulisan Tun M ini, saya rasa yang rugi adalah UMNO. Saya katakan demikian, kerana ia tidak akan menyelesaikan masalah sokongan ke atas UMNO, sebaliknya akan memburukkan lagi keadaan. BN dan UMNO menjadi lemah dan akibatnya, kerajaan boleh menjadi goyah.

8. Oleh itu, ahli BN dan UMNO perlu berfikiran terbuka dan tidak menerima bulat-bulat sesuatu pandangan yang dilontarkan. Ia perlu dianalisis, ditapis dan dibuat perbandingan dengan pandangan pihak lain.

9. Lebih penting, kita perlu sentiasa waspada dan berhati-hati dengan serangan bersifat peribadi. Jangan mudah ter-

perangkap dengan pandangan satu pihak sahaja.

10. Seperti diperingatkan oleh Najib ketika Konvensyen UMNO Kedah pada Sabtu lalu, ahli UMNO perlu bersatu dan mengekalkan semangat berpasukan bagi mengekalkan kekuatan parti menghadapi PRU akan datang.

11. Ahli UMNO, kata Najib, perlu meletakkan sasaran untuk memastikan parti terus kuat dan menang dalam pilihan raya, lebih tinggi daripada sebarang kepentingan peribadi.

12. Menurut Najib lagi, permasalahan dalaman parti perlu dikurangkan bagi memastikan sokongan masyarakat kekal terhadap UMNO.

13. "Antara 'pull factor' (faktor penarik sokongan masyarakat kepada UMNO) adalah semangat sepasukan, kurangkan permasalahan dalaman dan jangan cantas-mencantas antara satu sama lain. Jangan wujud dua pasukan dalam satu bahagian sehingga kita serba salah nak pilih," kata Najib.

14. Untuk itu, beliau berterus-terang mengingatkan ahli UMNO supaya mengetepikan 'jemuan' dan 'tukang kipas' dalam parti yang sering mengadu-domba antara satu sama lain sehingga menggugat perpaduan di kalangan ahli.

15. Menurut Najib, UMNO berkeupayaan untuk terus kekal berkuasa dan menang dalam pilihan raya sekiranya 'jemuan' (berperangai buruk) ini tiada dalam parti.